

Syarafuddin aktif membabarkan diri dalam aktiviti luar kampus.



Survival

mahasiswa jadi keutamaan

Doleh Nur Azlina Zainudin
azlina.zah@com.my
► Kuala Lumpur

Memastikan kebijakan dan survival mahasiswa dalam jangka masa panjang menjadi keutamaan Syarafuddin Rahim, 23, sebaik dilantik menerajui barisan kepemimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Anak bongsu daripada tiga adik-beradik itu berkata, usaha berkenaan perlu memandangkan persaingan graduan dalam dunia pekerjaan sudah semakin tinggi, menjadikan mereka perlu berusaha lebih gigih untuk menempatkan diri dalam industri.

"MPP UTHM kali ini melihat jauh ke hadapan iaitu membantu mahasiswa menghadapi realiti persaingan dunia pekerjaan dengan menyediakan pelbagai platform dan latihan menerusi kerjasama pelbagai pihak.

"Semua aktiviti yang dijalankan bermatlamat meningkatkan kemahiran mahasiswa dalam pelbagai bidang sekali gus menjadikan 'produk' UTHM laku dalam pasaran kerjaya," katanya yang berasal dari Negeri Sembilan.

Memiliki sifat mesra dan suka membantu rakan-rakan walaupun

berkaitan hal-hal kecil, menjadikan Syarafuddin mudah didekati sekali gus memastikan tiada jurang antara MPP dengan mahasiswa.

Bersikap terbuka

Beliau sentiasa bersikap terbuka dan sedia menerima teguran untuk penambahbaikan kerana bagi anak muda ini, keterbukaan sangat penting untuk memajukan diri serta organisasi yang dipimpin.

"Di mana pun kita berada, saya yakin tidak semua ahli menyukai konsep kepemimpinan yang dibawa. Namun, saya bersedia menerima teguran secara positif untuk berubah

ke arah yang lebih baik, jika dirasakan perlu.

"Walaupun bagaimanapun, saya memiliki pendirian sendiri iaitu tidak akan melayan perkara berunsur negatif seperti elemen berbau provokasi. Golongan intelek seharusnya mampu memberi pendapat atau teguran melalui saluran yang betul dengan lebih matang," katanya.

Di sebalik peranan dimainkan sebagai pemimpin mahasiswa tertinggi ditambah dengan kesibukan menyertai pelbagai aktiviti di dalam dan luar kampus, anak muda ini tidak pernah lupa dengan matlamat asal iaitu cemerlang

dalam akademik.

"Ketika menghadapi kubah, saya akan memberi tumpuan dan memastikan saya benar-benar memahami terhadap apa yang disampaikan pensyarah," katanya.

PROFIL

Syarafuddin Rahim

Tarikh lahir: 23 September 1993

Program pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (Keujian) UTHM
Asal: Negeri Sembilan
Jawatan:

- Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM sesi 2015/2016
- Yang Dipertua Sekretariat Mahasiswa Negeri Sembilan sesi 2015/2016
- Pengerusi Jabatan Akademik dan Kokurikulum MPP/UTHM sesi 2014/2015

Program pernah disertai:

- International MechYfest
- Rehal Ramadan (MANIS)
- Konvensyen Kepimpinan Institut Pengajian Tinggi

